# Kongsi idea, kepakaran

10 NOV 2017

## Penuntut dari tiga politeknik bergabung dalam program Kita Recycle di SK Kebakat, Tumpat

ROHANA ISMAIL

TUMPAT - Penuntut dari tiga Politeknik berkampung di Sekolah Kebangsaan (SK) Kebakat, Tumpat menjayakan kolaboratif Kementerian Pendidikan dengan menceriakan sekolah ini dengan landskap, pendawaian elektrik di bilik darjah, baik pulih meja dan kerusi serta pendingin hawa.

Sempena program Kita Recycle' - NBOS KPM: Community Support For School Teacher, seramai 60 penuntut politeknik terlibat iaitu dari Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Politeknik Nilai, Negeri Sembilan dan Politeknik Kota Bharu.

"Ketua Jabatan Hal Ehwal pelajar Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Nasharudin Zainal Abidin berkata, kemahiran dan kepakaran penuntut tahun dua ini dalam bidang landskap, pendawaian elektrik dan teknologi berasaskan kayu dipraktikkan di sekolah ini.

"Ini adalah khidmat sosial pelajar dari tiga politeknik tersebut. Mereka berkampung selama tujuh hari di sini.

"Penghasilan idea dan kreatif penuntut ini dalam kolaborasi antara kementerian, jabatan dan agensi bukan sahaja memberi manfaat kepada penuntut tetapi murid sekolah di sini apabila sekolah ini lebih ceria dan menarik," katanya.

Guru Besar SK Kebakat, Mohamad Razali Omar berkata, ini pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) bagi menjayakan Program Transformasi Kerajaan (GTP).

"Ini merupakan satu program kolaboratif KPM melibatkan 31 agensi bertujuan meningkatkan kualiti perkhidmatan pendidikan berkonsepkan khidmat masyarakat dan perkongsian sumber manusia melibatkan Pegawai Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) KPM, Pejabat Pelajaran Daerah (PPD), pensyarah dan pelajar IPTA serta agensi kerajaan dalam usaha menangani isu pembangunan fizikal sekolah," katanya.



Nasharudin (kiri) bersama penuntut politeknik baik pulih perahu yang akan digunakan untuk lanskap nanti.

Menurutnya, kerjasama ini tentunya memberi manfaat kepada SK Kebakat untuk mendapatkan maklumat, kerjasama dan bantuan kepakaran atau tenaga kerja untuk kemenjadian murid dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Seorang penuntut Diploma Teknologi Berasaskan Kayu, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Mohd Ibnur Amirul Mat Rozi, 19, berkata, dia mendapat pengalaman menyeronokkan menabur bakti di SK Kebakat.

Katanya, dalam masa yang sama dia dapat mempraktikkan ilmu pengajian apabila dapat membaikpulih meja, kerusi dan wakaf.

"Ini khidmat sosial kami di sini, kami lakukan secara sukarela tetapi bermanfaat kepada kami kerana mempraktikkan apa yang belajar di kolej," katanya.

Nur Hikmah Mohamed Sithik, 19, dari Politeknik Nilai, Negeri Sembilan berkata, dia ditugaskan untuk mengindahkan landskap sekolah ini.

"Hasil semangat kerjasama dari pasukan, kami cuba lakukan yang terbaik untuk menceriakan sekolah ini yang mempunyai murid seramai 450 orang," katanya.